

TARIKH: 17.1.2014 MUKASURAT: 43 JUDUL AKHBAR: HARIAN METRO

Besut pusat ilmu


Dua lagi institusi pendidikan dibina tidak lama lagi

Oleh Mohammad Ishak
am@mediaprime.com.my
Jertih

Penduduk daerah Besut dijangka menerima dua lagi institusi pendidikan apabila sebuah politeknik dan kolej komuniti ditempatkan di daerah itu tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penempatan dua institusi berkenaan bagi melengkapkan usaha kerajaan menjadikan Besut sebagai pusat pendidikan ilmu di Terengganu.

"Kolej komuniti akan ditempatkan di Bangunan Baitul Ehsan di bandar ini dan dijangka beroperasi pada Februari depan yang akan memberi peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti kursus kemahiran.



KAMPUS UniSZA di Tembila, Besut mula beroperasi tahun lalu.

"Dengan adanya kolej ini, kita berharap pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran di dalam akademik boleh meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran yang dapat membantu dalam kerjaya masing-masing," katanya, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Besut berkata, cederaan pembinaan politeknik pula akan ditempatkan di kawasan pelancongan Bukit Keluang dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Putera.

Buat masa ini, beberapa institusi pendidikan di da-

erah Besut ialah kampus Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Taman Ilmu, Kompleks Imtiaz, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab dan Sekolah Menengah Teknik.

Idris berkata, usaha menjadikan daerah ini sebagai hab pendidikan sudah lama dirancang dan ia sesuai dengan kecemerlangan pendidikan di Terengganu bermula di Besut.

Mengenai UniSZA beliau berkata, kumpulan pertama 600 pelajar sudah memulakan pengajian di kampusnya di Tembila, September tahun lalu.

"Jika semua pusat pendidikan di daerah ini beroperasi sepenuhnya penduduk daerah ini juga dijangka bertambah kepada 100,000 orang," katanya.